MOHAMAD HISYAMUDDIN MOHD NAZRI
lwn.
MOHD AFIQ ADLEE MOHD ADNAN & SATU LAGI

Mahkamah Sesyen, Kuala Kubu Bharu
Norhayati Johar HMS
[Kes Sivil No: BF-A53KJ-122-09/2024]
18 Mei 2026

JADUAL KUANTUM

1. Miscellaneous conditions - Degloving injury to leg
2. Miscellaneous conditions - Operation scars
3. Miscellaneous conditions - Skin grafting

Tarikh kemalangan: 9 Februari 2023

Ringkasan kecederaan plaintif

1. Degloving wound over the anterior aspect of the left thigh with significant skin loss

2. Total loss of the rectus femoris muscle of the left lower limb

3. Partial tears of the vastus medialis, vastus lateralis and vastus intermedius muscles

4. Open wound extending from the scrotal region to the anterior thigh up to the knee

5. Traumatic arthrotomy of the left knee

6. Superficial abrasion wounds over the penile and scrotal surfaces

7. Superficial abrasion wounds over the right testis and right inner thigh

Ketidakupayaan

1. Muscle wasting over left thigh and calf

2. Extensive and permanent scarring:

(a) Beberapa parut abrasion pada bahagian abdomen (3 cm x 3

cm, 8 cm x 2 cm, 5 cm x 2 cm) serta parut hypopigmented

(b) Parut degloving besar pada paha kiri (45 cm x 26 cm) dan paha kanan (34 cm x 7 cm)

(c) Parut split skin graft recipient (paha kiri) dan donor scar (20 cm x 20 cm pada paha kanan)

(d) Parut hypopigmented dan hyperpigmented pada paha (sehingga 39 cm x 17 cm)

(e) Keloid surgical scar pada bahagian lutut kiri (14 cm x 2 cm)

(f) Parut pada kawasan scrotum (6 cm x 5 cm dan 3 cm x 3 cm)

3. Stiffness and weakness of hip, knee and left ankle

4. Fixed flexion deformity of the left ankle

5. Kesukaran untuk berjalan, berdiri dalam tempoh yang lama, mencangkung, berlari dan memanjat

6. Bengkak berterusan pada kaki kiri

7. Risiko mengalami deep vein thrombosis

Umur plaintif

(a) Pada tarikh kemalangan: 24 tahun

(b) Pada tarikh perbicaraan: 27 tahun

Pekerjaan plaintif

(a) Pada tarikh kemalangan: Tidak bekerja

(b) Pada tarikh perbicaraan: Tidak dinyatakan

Pendapatan plaintif

(a) Pada tarikh kemalangan: Tidak dinyatakan

(b) Pada tarikh perbicaraan: Tidak dinyatakan

Liabiliti

100% terhadap defendan

Award (Berdasarkan 100% liabiliti)

1. Gantirugi am

(a) Severe degloving injury	-	RM50,000.00
(b) Split skin grafting	-	RM15,000.00
(c) Multiple scarring	-	RM18,000.00
(d) Loss of earning capacity (RM2,000.00 x 18-bulan)	-	RM36,000.00

2. Gantirugi khas

(a) Kos laporan perubatan Hospital Selayang	-	RM80.00
(b) Kos laporan pakar Ortopedik	-	RM1,390.00
(c) Kos rawatan / pembedahan masa hadapan -- surgical quadricepsplasty	-	RM1,000.00
(d) Kos rawatan / pembedahan masa hadapan -- tendon Achilles lengthening	-	RM500.00

Faedah

(a) 5% setahun bagi faedah ke atas gantirugi am dari tarikh penyampaian writ saman hingga penghakiman.

(b) 2.5% setahun bagi faedah ke atas gantirugi khas dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman.

(c) 5% setahun bagi faedah ke atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga selesai pembayaran jumlah penuh penghakiman.

Kes-kes yang dirujuk:

Ahmad Nordin Bin Hj. Maslan & Anor v. Eng Ngak Hua & Ors [1984] 1 MLRA 776; [1985] 2 MLJ 431 (dirujuk)

Blyth v. Birmingham Waterworks Co [1856] 11 Exch 781 (dirujuk)

CB Media Sdn Bhd & Anor v. Kesas Sdn Bhd [2019] 6 MLRA 191; [2019] 4 CLJ 609 (dirujuk)

Chin Hin Transport Sdn Bhd v. Lim Chin Mee [1999] 5 MLRH 600; [1999] 4 AMR 4113 (dirujuk)

Dirkje Pieternella Halma v. Mohd Noor Baharom & Ors [1990] 1 MLRA 383; [1990] 3 MLJ 103; [1990] 1 CLJ (Rep) 99 (dirujuk)

Fatini Syafiqah Md Fairus v. Yuwanesanall Ganesan & Anor [2025] 2 PIR 43 (dirujuk)

Govinda Raju & Anor v. Laws [1965] 1 MLRH 401; [1966] 1 MLJ 188 (dirujuk)
Halim Putra Arifin & Ors v. Mohamad Yusri Maaza & Anor [2016] PILRU 8; [2018] 1 PIR 56 (dirujuk)
Inas Faiqah Mohd Helmi v. Kerajaan Malaysia & Ors [2016] 1 MLRA 647; [2016] 2 MLJ 1; [2016] 2 CLJ 885; [2016] 2 AMR 217; [2016] 1 PIR 16 (dirujuk)
Jagdave Singh Saran Singh lwn. Preseelan Balachandran [2024] MLRHU 464 (dirujuk)
Jaswant Singh v. Central Electricity Board And Anor [1967] 1 MLRH 512; [1967] 1 MLJ 272 (dirujuk)
Katirvell Nageichelvam & Satu Lagi lwn. Wakil Peribadi Harta Pusaka Annanda Kumar Domotharam Pillai [2022] PILRU 66; [2024] 2 PIR 8 (dirujuk)
Low You Choy & Yang Lain lwn. Chan Mun Kit & Yang Lain [1992] 1 MLRH 299; [1992] 1 CLJ (Rep) 492 (dirujuk)
Moeliker v. A Revrolle & Co Ltd [1977] 1 All ER 9 (dirujuk)
Mohamed Salleh Awang & Anor v. Low Han Leong & Anor [1981] 1 MLRA 306; [1982] 1 MLJ 82 (dirujuk)
Mohd Nor Haris v. MISC Berhad [2016] 2 MELR 465; [2016] 3 ILR 71 (dirujuk)
Mohd Zukhairi Abd Ghapar & Anor v. Quek Chiam Kee [2003] 4 MLRH 5; [2004] 5 MLJ 6; [2004] 5 CLJ 181 (dirujuk)
Muhammad Hassan lwn. Lam Ngit Choi & Anor [2017] MLRSU 105; [2017] 1 PIR 40 (dirujuk)
Muhammad Izzat Rosnan & Anor v. Syazwi Sazali & Ors [2019] 2 PIR 48 (dirujuk)
Murugesh Krishna & Satu Lain lwn. Goo Soon Siang & Satu Lain [2022] PILRU 7; [2022] 1 PIR 31 (dirujuk)
Nagesperi Rajoo @ Kandesamy & Anor v. Soo Kim Bee [2023] 2 PIR 9 (dirujuk)
Ng Chul Sia v. Maimon Ali [1982] 1 MLRH 784; [1983] 1 MLJ 110 (dirujuk)
Ngooi Ku Siong & Anor v. Aidi Abdullah [1984] 1 MLRA 200; [1985] 2 MLJ 30; [1984] 1 CLJ (Rep) 294 (dirujuk)
Ong Ah Long v. Dr S Underwood [1983] 1 MLRA 154; [1983] 2 MLJ 324; [1983] CLJ (Rep) 300 (dirujuk)
Parthiba Kumar Subramaniam v. Amiruddin Biden [2025] 1 PIR 17 (dirujuk)
Rozita Ab Rashid lwn. Gunalan Marimuthu Dan Satu Lagi [2018] PILRU 109; [2020] 1 PIR 28 (dirujuk)
Salim Dawing v. Lim Kat Kang [1984] 1 MLRH 552; [1986] 2 MLJ 50; [1985] CLJ (Rep) 735 (dirujuk)
Sanjiswaran Thamppiraja lwn. Abdul Ghafar Abdul Ghani & Satu Lagi [2016] PILRU 45; [2016] 2 PIR 53 (dirujuk)
Saranya Mahendran & Anor v. Harta Pesaka Mohamad Shazrin Hassan & Ors [2025] PILRU 118 (dirujuk)
Sham Daniel Abdullah lwn. Amrey Abdul Aziz & Satu Lagi [2025] PILRU 40; [2025] 1 PIR 40 (dirujuk)
Sivakumaran Selvaraj & Ors. (Suing Through Their Mother And Next Friend, Selvi Muthusamy) & Anor. v. Yu Pan & Anor. [1994] 2 MLRH 358; [1995] 1 MLJ 12; [1994] 4 CLJ 1066 (dirujuk)
Tabarani Mohd Arsad & Anor v. Chan Tenn Yeu [1999] 1 MLRH 489; [1999] 3 CLJ 188; [1999] 2 AMR 1884 (dirujuk)

Tan Cheong Poh & Anor v. Teow Ah Keow [1995] 2 MLRA 379; [1995] 3 MLJ 89; [1996] 3 CLJ 665; [1995] 3 AMR 2733 (dirujuk)
Tan Kim Chuan & Anor v. Chandu Nair Krishna Nair [1991] 1 MLRA 232; [1991] 2 MLJ 42; [1991] 1 CLJ (Rep) 441 (dirujuk)
Tay Mook Seng & Anor Entulu Anil & Anor [2014] PILRU 161; [2014] 2 PIR 121 (dirujuk)
Tay Tong Chew & Anor v. Abu Rahman Ahmad [1984] 1 MLRA 276; [1985] 1 MLJ 50; [1984] 1 CLJ (Rep) 389 (dirujuk)
Yahaya Mohamad v. Chin Tuan Nam [1975] 1 MLRA 322; [1975] 2 MLJ 117 (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s 28A(2)(c)(i), (ii)
Evidence Act 1950, ss 101, 102
Road Traffic Rules 1959, r 3(2)(b)

Kaunsel:
Bagi pihak plaintif: Kohila Yanasekaran (Abel AD Anthony bersamanya); Tetuan Kohi & Associates
Bagi pihak defendan: Audrey Eva Fernandez (Anantharajah Shanmugam & Nuramirah Hafni Mohamad Hizam bersamanya); Tetuan Azim, Tunku Farik & Wong

[Membenarkan tuntutan Plaintif sebanyak RM121,970.00 dengan kos dan faedah.]

PENGHAKIMAN

Norhayati Johar HMS:

(Liabiliti Dan Kuantum)

Pendahuluan

[1] Pada 6 Mei 2026 Mahkamah ini telah memutuskan bahawa liabiliti dalam kes ini adalah 100% bertanggungan atas Defendan. Mahkamah seterusnya membenarkan kuantum bagi gantirugi am dan gantirugi khas sebagaimana berikut:

Gantirugi Am:

a) Kecederaan utama:

(i) Degloving wound of anterior aspect of left thigh with skin loss;

(ii) Rectus femoris muscle total loss over the left lower limb;

(iii) Partial cut over vastus medialis, lateralis and intermedius;

(iv) Traumatic arthrotomy of the left knee;

(v) Open wound from scrotum extending to anterior aspect of thigh to knee region;

(vi) Abrasion wound over penile and scrotal surface;

(vii) Superficial abrasion wound over right testis and right inner thigh; dan

(viii) Muscle wasting over left thigh and calf.

RM50,000.00

b) Split Skin Grafting: RM15,000.00

c) Multiple Scarring: RM18,000.00

d) Pain & Suffering: Ditolak

e) Kehilangan Keupayaan Pendapatan (Loss of Earning Capacity): RM36,000.00

Jumlah Gantirugi Am: RM119,000.00

Gantirugi Khas:

a) Kos Fisioterapi: Ditolak

b) Kos laporan perubatan Hospital Selayang: RM80.00

c) Kos Laporan Pakar Ortopedik: RM1,390.00

d) Kos Rawatan / Pembedahan Masa Hadapan:

(ii) Manipulation under anaesthesia: Ditolak

(iii) Surgical quadricepsplasty: RM1,000.00

(iv) Tendon Achilles lengthening: RM500.00

(v) Anticoagulant: Ditolak

Jumlah Gantirugi Khas: RM2,970.00

JUMLAH KESELURUHAN: RM121,970.00

[2] Tuntutan Plaintif dibenarkan dengan kos mengikut skala dan tertakluk faedah seperti berikut:

(a) Faedah ke atas gantirugi am sebanyak 5% setahun dikira dari tarikh pemfailan writ sehingga tarikh penghakiman;

(b) Faedah ke atas gantirugi khas sebanyak 2.5% setahun dikira dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman; dan

(c) Faedah ke atas jumlah keseluruhan penghakiman sebanyak 5% setahun dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh.

[3] Defendan tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah ini dan telah memfailkan rayuan pada 12 Mei 2026 terhadap dapatan liabiliti dan kuantum. Plaintif kemudiannya turut memfailkan rayuan silang pada 14 Mei 2026 berhubung isu kuantum sahaja. Ini adalah alasan keputusan Mahkamah ini.

Fakta Ringkas Kes

[4] Berdasarkan pliding pihak-pihak, Mahkamah mendapati bahawa tidak dipertikaikan satu kemalangan jalan raya telah berlaku pada 9 Februari 2023 sekitar jam 3.30 petang di simpang Perindustrian Zurah, Rasa, Hulu Selangor, melibatkan motosikal yang ditunggang oleh Plaintif nombor pendaftaran ALE 1309 dengan sebuah motortreler bernombor pendaftaran AKK 9780 yang dipandu oleh Defendan Pertama.

[5] Kemalangan berlaku apabila Defendan telah membelok ke kiri di suatu persimpangan lalu terlibat dengan kemalangan dengan motosikal Plaintif yang sedang bergerak lurus.

[6] Versi Plaintif adalah bahawa pada masa material, beliau sedang menunggang motosikal di lorong kiri di laluan yang sah. Apabila menghampiri simpang tersebut, motortreler Defendan secara tiba-tiba telah membelok ke kiri dan memasuki laluan Plaintif, lalu melanggar dan menyeret motosikal Plaintif sehingga menyebabkan beliau terjatuh dan mengalami kecederaan parah.

[7] Sebaliknya, Defendan tidak menafikan berlakunya kemalangan, namun menafikan liabiliti. Defendan menyatakan bahawa kemalangan tersebut adalah disebabkan sepenuhnya atau secara alternatif sebahagiannya oleh kecuaian Plaintif sendiri, antaranya kerana gagal menunggang dengan berhati-hati, gagal mengawal motosikal, serta gagal memberi perhatian kepada keadaan trafik di kawasan persimpangan. Defendan juga mendakwa bahawa motosikal Plaintif telah melanggar bahagian hadapan kiri motortreler Defendan.

[8] Dalam kes ini seramai empat (4) orang saksi telah dipanggil memberi keterangan di Mahkamah iaitu Sjn Hafisah binti Zakaria (Pegawai Penyiasat)

(SP1), Muhammad Sufi Soon bin Abdullah (Pengurusan Sumber Manusia, South Point Ship Management Sdn Bhd) (SP2), Mohamad Hisyamuddin bin Mohd Nazri (Plaintif) (SP3) dan Mohd Afiq Adlee bin Mohd Adnan (iaitu pemandu motortreler) (SD1).

Beban Pembuktian Kes

[9] Dalam membuktikan kes ini, beban pembuktian adalah ke atas Plaintif sebagai pihak yang menuntut sebagaimana diperuntukkan di bawah ss 101 dan 102 Akta Keterangan 1950. Dalam kes *CB Media Sdn Bhd & Anor v. Kesas Sdn Bhd* [2019] 6 MLRA 191; [2019] 4 CLJ 609 Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

> "[19] It is settled law that the burden of proof rests throughout the trial on the party who asserts that the facts exist (s 101 of the Evidence Act 1950). Where a party on whom the burden of proof lay had discharged that burden, then the evidential burden shifted to the other party. But if the party on whom the burden of proof lay failed to discharge it, the other party need not call any evidence: *Hong Yik Trading v. Liziz Plantation Sdn Bhd* [2017] 4 MLRA 89; [2017] 5 MLJ 398; [2017] 8 CLJ 491."

[10] Seterusnya standard pembuktian yang terpakai dalam kes-kes sivil adalah atas imbangan kebarangkalian sebagaimana diputuskan dalam kes *Inas Faiqah Mohd Helmi v. Kerajaan Malaysia & Ors* [2016] 1 MLRA 647; [2016] 2 MLJ 1; [2016] 2 CLJ 885; [2016] 2 AMR 217; [2016] 1 PIR 16. Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> "The standard of proof in civil cases is the legal standard to which a party is required to prove its case, namely on a balance of probabilities. In civil litigation, the question of probability or improbability of an action occurring is an important consideration to be taken into account in deciding whether that particular event had actually taken place or not."

[11] Dalam kes *Ng Chul Sia v. Maimon Ali* [1982] 1 MLRH 784; [1983] 1 MLJ 110, Mahkamah memutuskan bahawa:

> "In an action for negligence the onus of proving the allegation of negligence rests on the person who makes it unless there are disclosed facts which raise a presumption in favour of the plaintiff. The plaintiff must show affirmatively that there has been a breach of a specific or general duty by the defendant and this resulted in the damage to the plaintiff. If he fails to prove this the action must fail."

Penilaian Dan Dapatan Mahkamah

Isu Liabiliti

[12] Dalam menimbangkan isu liabiliti, Mahkamah mengambil kira prinsip asas bahawa kecuaian berlaku apabila seseorang gagal mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya sebagaimana yang munasabah dilakukan oleh orang biasa dalam keadaan yang sama. Dalam menilai hal tersebut, Mahkamah perlu melihat sama ada risiko bahaya daripada tindakan itu sepatutnya dapat dijangka dan dielakkan oleh seseorang yang bertindak secara berhemat dan munasabah. Mahkamah dalam hal ini merujuk kepada keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Jaswant Singh v. Central Electricity Board And Anor* [1967] 1 MLRH 512; [1967] 1 MLJ 272 yang menerima pakai prinsip dalam *Blyth v. Birmingham Waterworks Co* [1856] 11 Exch 781, Hakim Gill J memutuskan:

> "The test for deciding whether there has been a breach of duty is laid down in the oft-cited *dictum* of Alderson B in *Blyth v. Birmingham Waterworks Co* [1856] 11 Exch 781, 784: "Negligence is the omission to do something which a reasonable man, guided upon those considerations which ordinarily regulate the conduct of human affairs, would do, or doing something which a prudent and reasonable man would not do.". Thus, the standard of care required by the law is that of a hypothetically reasonable man and in applying this standard it is necessary to ask what, in the circumstances, the reasonable man would have foreseen. The likelihood of injury or damage being caused is a matter to be taken into account in determining what degree of care, if any, need be taken in any given circumstances when a duty to take care exists. If the chance of injury is small, little or no precautions need be taken against it, but if it is great, precautions should be taken to prevent or avoid it The graver the consequences of a failure to take due care, the greater the degree of care which must be taken."

[13] Berdasarkan prinsip kes di atas, Mahkamah perlu menentukan sama ada kemalangan tersebut berpunca daripada tindakan Defendan yang membelok dan memasuki laluan Plaintif tanpa memastikan keadaan selamat, atau sama ada Plaintif telah menyumbang kepada kejadian tersebut melalui kecuaiannya sendiri. Mahkamah seterusnya perlu menilai keterangan saksi-saksi dan bukti dokumentar bagi menentukan punca kemalangan serta pembahagian liabiliti antara pihak-pihak.

[14] Mahkamah terlebih dahulu meneliti keterangan Pegawai Penyiasat, SP1. Daripada keterangannya, jelas bahawa hasil siasatan mendapati Defendan telah dikenakan saman di bawah Peraturan 3(2)(b) Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959 [LN 166/59] kerana gagal memberi laluan kepada kenderaan yang sedang bergerak terus sebelum melintasi laluan tersebut. SP1 turut mengesahkan bahawa kemalangan berlaku apabila kenderaan Defendan memasuki laluan motosikal Plaintif yang ketika itu sedang bergerak lurus di laluannya sendiri.

[15] Semasa Pemeriksaan Utama, SP1 antara lain menyatakan seperti berikut:

> "Hasil siasatan mendapati kenderaan Defendan keluar/masuk ke laluan utama tanpa memberi laluan kepada motosikal Plaintif yang

sedang bergerak terus."

...

"Titik perlanggaran adalah di laluan motosikal Plaintif, menunjukkan kenderaan Defendan telah memasuki laluan tersebut sebelum pelanggaran berlaku."

[16] Semasa soal balas, pihak Defendan cuba mengetengahkan pembelaan bahawa sifat fizikal kenderaan Defendan, iaitu sebuah motortreler bersaiz besar, mempunyai "blind spot" yang luas serta memerlukan ruang dan masa untuk membelok, dan bahawa faktor-faktor tersebut kononnya menyumbang kepada kemalangan. SP1 mengakui secara umum bahawa kenderaan berat sememangnya mempunyai kekangan sedemikian.

[17] SP1 juga bersetuju bahawa kenderaan bersaiz besar seperti motortreler memerlukan ruang yang mencukupi untuk membelok dan tidak mampu melakukan pergerakan membelok secara serta-merta seperti kenderaan kecil. Namun demikian, apabila dicadangkan bahawa faktor tersebut bermaksud kenderaan berat tidak boleh "tiba-tiba" memasuki laluan sehingga menyebabkan pelanggaran, SP1 tidak bersetuju dengan cadangan tersebut.

[18] Pada pandangan Mahkamah, keterangan ini penting dan tidak boleh dipetik secara terpisah daripada keseluruhan konteks siasatan. Walaupun SP1 mengakui kewujudan "blind spot" dan keperluan ruang untuk membelok bagi sebuah motortreler, pengakuan itu tidak sekali-kali membawa maksud bahawa faktor tersebut menjadi punca kemalangan atau mengurangkan kecuaian Defendan. Sebaliknya, SP1 kekal konsisten bahawa kemalangan berlaku kerana Defendan gagal memastikan laluan adalah selamat sebelum memasuki laluan Plaintif.

[19] Mahkamah mengambil prinsip yang digariskan dalam kes *Ahmad Nordin Bin Hj. Maslan & Anor v. Eng Ngak Hua & Ors* [1984] 1 MLRA 776; [1985] 2 MLJ 431, yang melibatkan kemalangan antara sebuah lori dan sebuah kenderaan yang lebih kecil. Dalam kes tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa walaupun terdapat kecenderungan untuk mengenakan tahap tanggungjawab yang lebih tinggi terhadap pemandu kenderaan berat, isu liabiliti tetap perlu diputuskan berdasarkan fakta kes dan tahap kecuaian sebenar setiap pihak.

[20] Berdasarkan kes di atas, prinsip asas adalah bahawa walaupun kenderaan berat membawa risiko yang lebih besar di jalan raya dan menuntut tahap kewaspadaan yang lebih tinggi daripada pemandunya, faktor itu sahaja tidak secara automatik menentukan liabiliti. Penilaian Mahkamah tetap perlu dibuat berdasarkan keseluruhan keadaan dan fakta kes.

[21] Dalam konteks kes di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah berpendapat bahawa faktor seperti "blind spot" atau keperluan ruang membelok tidak boleh dijadikan alasan untuk melepaskan Defendan daripada liabiliti. Jika sekalipun kekangan tersebut wujud, keadaan itu sebenarnya menuntut tahap berhati-hati

yang lebih tinggi daripada seorang pemandu kenderaan berat. Kegagalan Defendan memastikan laluan benar-benar selamat sebelum memasuki laluan Plaintif jelas merupakan suatu pelanggaran terhadap kewajipan berhati-hati yang dipikulnya. Oleh itu, Mahkamah mendapati bahawa pembelaan yang cuba dibangkitkan semasa soal balas tidak memadai untuk menangkis inferens kecuaian daripada dapatan siasatan SP1.

[22] Mahkamah seterusnya meneliti keterangan Plaintif. Berdasarkan Penyata Saksi PSP3, Plaintif menyatakan bahawa ketika kejadian beliau sedang menunggang motosikal di lorong kiri sebelum dilanggar oleh motortreler Defendan yang membelok ke kiri dan memasuki laluannya, menyebabkan beliau terjatuh serta mengalami kecederaan serius. Keterangan tersebut selari dengan keterangan lisannya di Mahkamah bahawa beliau sedang bergerak terus di laluan yang sah dan tidak menjangkakan kenderaan Defendan akan memasuki laluannya secara tiba-tiba.

[23] Semasa pemeriksaan balas, pihak Defendan cuba mencabar kredibiliti Plaintif berhubung isu kelajuan, kedudukan motosikal dan jarak selamat. Plaintif menjawab "Saya tidak pasti" apabila ditanya mengenai anggaran kelajuannya sebelum kemalangan. Namun begitu, pada pandangan Mahkamah, ketidakpastian tersebut bukanlah suatu percanggahan yang material. Tiada bukti objektif dikemukakan untuk menunjukkan bahawa kelajuan motosikal Plaintif merupakan faktor yang menyumbang kepada kemalangan. Dalam keadaan sedemikian, kegagalan Plaintif memberikan anggaran kelajuan yang tepat tidak menjejaskan teras keterangannya bahawa beliau sedang bergerak terus di laluannya sebelum motortreler Defendan memasuki laluan tersebut.

[24] Seterusnya, berhubung kedudukan kenderaan, semasa di soal balas, Plaintif menjawab seperti berikut:

> PD: En Hisyamuddin setuju dengan saya sebelum kemalangan ini, treler ini di depan? Di depan Encik.
>
> SP1: Tidak setuju.
>
> PD: Tidak setuju. Ada tak nampak treler tersebut sebelum kemalangan?
>
> SP1: Saya ada nampak.
>
> PD: Ok, jadi nampak tu dekat mana? Depan ke belakang ke.
>
> SP1: Depan sebelah kanan saya.

[25] Keterangan ini adalah konsisten dengan senario bahawa kenderaan Defendan berada di laluan bersebelahan dengan motosikal Plaintif sebelum secara tiba-tiba memasuki laluan Plaintif.

[26] Pihak Defendan turut membangkitkan bahawa Plaintif gagal

mengekalkan jarak selamat serta tidak mengambil kira kewujudan "blind spot" motortreler Defendan. Plaintif bagaimanapun mengakui bahawa beliau sedar akan risiko tersebut dan menegaskan bahawa beliau sememangnya mengekalkan jarak selamat semasa menunggang. Walaupun Plaintif tidak dapat menyatakan jarak tersebut secara khusus, Mahkamah berpendapat keterangan itu tetap menunjukkan tahap kewaspadaan yang munasabah dalam keadaan trafik biasa.

[27] Mahkamah mendapati tiada keterangan lanjut dikemukakan oleh pihak Defendan untuk menunjukkan bahawa Plaintif menunggang secara berbahaya atau cuai sebelum kemalangan berlaku. Sebaliknya, keterangan Plaintif adalah selari dengan dapatan SP1 berhubung titik pelanggaran dan keadaan kemalangan, yang menunjukkan bahawa Defendan telah memasuki laluan Plaintif tanpa memastikan keadaan benar-benar selamat.

[28] Mahkamah juga tidak menerima cadangan bahawa Plaintif gagal mengambil langkah mencukupi untuk mengelakkan kemalangan tersebut. Pada pandangan Mahkamah, undang-undang hanya menuntut tahap kewaspadaan yang munasabah daripada seseorang pengguna jalan raya. Ia tidak mengenakan kewajipan kepada Plaintif untuk menjangka atau mengelakkan setiap risiko yang timbul secara tiba-tiba akibat kecuaian pengguna jalan raya yang lain. Prinsip ini digariskan dalam kes *Govinda Raju & Anor v. Laws* [1965] 1 MLRH 401; [1966] 1 MLJ 188. Hakim Raja Azlan Shah J (pada masa itu) memutuskan:

> "It is the case of a moving vehicle trying to turn right in the path of an on-coming motorcycle and intending to enter a lane to a house. The plaintiff saw the motorvehicle swerving into his path. Perplexed by being exposed to the danger created by the defendant he also swerved to his right in an attempt to avoid the accident but failed. To my mind, **when a plaintiff is perplexed or agitated when exposed to danger by the wrongful act of a defendant it is sufficient if he shows as much judgment and control in attempting to avoid the accident as may reasonably be expected of him in the circumstances**."
>
> [Penekanan Ditambah]

[29] Mahkamah kemudiannya meneliti keterangan Defendan Pertama. Dalam Penyata Saksinya (PSD1), Defendan Pertama menyatakan bahawa semasa beliau memasuki simpang, motosikal Plaintif yang datang dari arah belakang telah melanggar bahagian tayar hadapan sebelah kiri motortreler yang dipandunya. Walau bagaimanapun, Mahkamah mendapati versi tersebut perlu diteliti secara berhati-hati apabila dibandingkan dengan keterangan lisannya semasa pemeriksaan di Mahkamah serta keseluruhan keterangan lain yang dikemukakan dalam kes ini.

[30] Mahkamah mendapati keterangan Defendan berhubung pemberian isyarat membelok tidak konsisten. Semasa soal balas, Defendan pada mulanya menyatakan bahawa isyarat membelok diberikan kira-kira 10 hingga 15 meter sebelum simpang. Namun pada peringkat lain, beliau menyatakan bahawa

isyarat tersebut telah diberikan lebih awal sebelum memasuki susur kiri. Lebih ketara, tiada sebarang catatan dalam laporan polis D13 yang menyokong dakwaan bahawa isyarat telah diberikan lebih awal sebagaimana yang dinyatakan semasa keterangannya di Mahkamah.

[31] Pada hemat Mahkamah, percanggahan ini bukanlah perkara kecil yang boleh diketepikan. Sebaliknya, ia melibatkan isu material berhubung sama ada Defendan telah mengambil langkah keselamatan yang mencukupi sebelum membelok dan memasuki laluan Plaintif. Jika benar isyarat telah diberikan lebih awal seperti yang didakwa, Mahkamah berpendapat fakta tersebut sudah semestinya dinyatakan secara konsisten sejak awal, termasuk dalam laporan polis dan keterangannya yang terdahulu.

[32] Sebaliknya, perubahan dalam keterangannya semasa soal balas menunjukkan bahawa Defendan tidak mempunyai ingatan yang jelas dan konsisten mengenai tindakan yang diambil sebelum kemalangan berlaku. Keadaan ini menjejaskan kebolehpercayaan keterangannya dan menimbulkan inferens bahawa dakwaan berhubung pemberian isyarat tersebut hanyalah suatu usaha untuk memperkukuhkan pembelaannya setelah dicabar dalam pemeriksaan balas.

[33] Sekalipun Mahkamah menerima bahawa isyarat ada diberikan, perkara itu sahaja tidak memadai untuk melepaskan Defendan daripada kewajipan utamanya untuk memastikan laluan benar-benar selamat sebelum membelok. Dalam keadaan Defendan sendiri mengakui bahawa beliau tidak nampak motosikal Plaintif sebelum kemalangan, Mahkamah mendapati kewajipan tersebut jelas gagal dipenuhi.

[34] Semasa pemeriksaan balas oleh peguam Plaintif, Defendan Pertama mengakui bahawa beliau tidak nampak motosikal Plaintif sebelum kemalangan berlaku dan hanya menyedari kejadian tersebut selepas diberhentikan oleh orang awam. Defendan gagal memberikan penjelasan yang jelas mengenai bagaimana pelanggaran berlaku. Semasa soal balas, apabila ditanya sama ada tayar kiri motortrelernya telah melanggar motosikal Plaintif atau sebaliknya, Defendan beberapa kali menjawab bahawa beliau "tidak tahu". Namun demikian, apabila dicadangkan bahawa oleh sebab beliau tidak nampak motosikal Plaintif sebelum membelok, maka kemungkinan besar motortrelernya telah melanggar motosikal Plaintif, Defendan akhirnya bersetuju dengan cadangan tersebut.

[35] Pada pandangan Mahkamah, pengakuan ini amat penting kerana ia secara langsung menunjukkan kegagalan Defendan memastikan laluan benar-benar selamat sebelum melakukan pergerakan membelok. Kewajipan tersebut merupakan kewajipan asas bagi mana-mana pemandu yang hendak memasuki laluan trafik yang sedang bergerak terus.

[36] Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah sukar menerima bahawa pemerhatian yang mencukupi telah dilakukan sebelum Defendan memasuki laluan tersebut. Jika benar laluan telah diperhatikan dengan sewajarnya, sukar dibayangkan bagaimana motosikal Plaintif yang sedang bergerak lurus di

laluannya sendiri langsung tidak disedari.


[37] Daripada keterangan saksi-saksi, jelas terdapat dua versi yang berbeza tentang bagaimana kemalangan ini berlaku. Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah tidak boleh menilai kes ini semata-mata berdasarkan versi siapa yang hendak dipercayai. Mahkamah perlu menilai keseluruhan kebarangkalian fakta berdasarkan semua keterangan yang ada.

[38] Prinsip dalam kes *Tabarani Mohd Arsad & Anor v. Chan Tenn Yeu* [1999] 1 MLRH 489; [1999] 3 CLJ 188; [1999] 2 AMR 1884 menggariskan bahawa apabila terdapat dua versi kemalangan yang bercanggah, tugas mahkamah bukan sekadar memilih versi siapa yang hendak dipercayai. Sebaliknya, mahkamah perlu menilai versi yang lebih munasabah dan berkemungkinan berdasarkan keseluruhan keterangan serta mempertimbangkan kemungkinan fakta sebenar berada di antara kedua-dua versi pihak-pihak. Hakim Abdul Malik Ishak J (pada masa itu) memutuskan:

> "When confronted with two conflicting versions, the duty of the trial court was to consider which version was inherently probable or improbable. The trial court should have been more meticulous and considered other probable versions provided they were within the scope and ambit of the pleadings and supportable by admissible evidence including the neutral ones. This approach provides a wide leverage for the trial court to manoeuvre bearing in mind, always, the testimony of the credible witnesses. Spenser Wilkinson J castigated the magistrate in *Koay Teik Choo & Ors v. Regina* [1955] 1 MLRH 588; [1956] 1 MLJ 52, for approaching the case upon the basis of which of the two conflicting stories he should believe. His Lordship remarked at p 53 of the report that:
>
> > One of the dangers of this approach is that it leaves entirely out of account the possibility (which in my opinion existed in a very high degree in the present case) that what has really been proved is something between the two stories."

[39] Justeru berpandukan prinsip tersebut, Mahkamah seterusnya meneliti bukti fizikal dan keadaan sekeliling kemalangan sebagai "bukti senyap" bagi menentukan versi mana yang lebih selari dengan kebarangkalian fakta kes ini. Pendekatan yang wajar ialah mahkamah hendaklah merujuk kepada gambar, pelan dan ukuran tempat kejadian serta jenis dan bentuk kerosakan pada setiap kenderaan bagi mencapai suatu kesimpulan yang munasabah. (*Yahaya Mohamad v. Chin Tuan Nam* [1975] 1 MLRA 322; [1975] 2 MLJ 117 FC; and *Mohamed Salleh Awang & Anor v. Low Han Leong & Anor* [1981] 1 MLRA 306; [1982] 1 MLJ 82 FC)

RAJAH KASAR (TIDAK MENGIKUT SKALA)



[40] Daripada keterangan saksi-saksi yang dibaca bersama Rajah Kasar P1, jelas bahawa kedua-dua Plaintif dan Defendan pada asalnya bergerak dalam arah yang sama, iaitu dari laluan A2 menuju ke A3. Plaintif menunggang motosikal secara lurus di lorong kirinya, manakala Defendan yang memandu motortreler kemudiannya membelok ke kiri untuk memasuki simpang A3-A4. Pergerakan membelok tersebut secara langsung telah melintasi laluan perjalanan Plaintif.

[41] Kedudukan kedua-dua kenderaan sebelum pelanggaran adalah penting kerana ia menunjukkan bahawa Plaintif bukan muncul secara tiba-tiba dari arah bertentangan atau dari kedudukan yang tidak dapat dijangka. Sebaliknya, Plaintif berada di laluan yang sama dan sedang bergerak terus apabila motortreler Defendan memasuki laluan tersebut untuk membelok ke simpang.

[42] Mahkamah turut meneliti gambar kemalangan P2(E-H) yang menunjukkan kerosakan serta titik impak pada bahagian hadapan kiri motortreler Defendan. Kedudukan impak tersebut, pada pandangan Mahkamah, lebih selari dengan keadaan di mana motortreler Defendan sedang membelok dan memasuki laluan Plaintif semasa pelanggaran berlaku.

[43] Jika benar motosikal Plaintif datang dari arah belakang dan melanggar motortreler Defendan sebagaimana didakwa, adalah lebih munasabah sekiranya kerosakan atau titik impak tertumpu pada bahagian sisi tengah atau belakang treler, iaitu bahagian yang telah melepasi laluan Plaintif. Namun begitu, bukti fizikal menunjukkan impak berlaku pada bahagian hadapan kiri motortreler, iaitu bahagian yang terlebih dahulu memasuki laluan Plaintif

semasa manouver membelok dilakukan.

[44] Dalam hal ini, Mahkamah berpendapat bukti fizikal yang dikemukakan lebih menyokong versi Plaintif berbanding versi Defendan. Keseluruhan keadaan menunjukkan bahawa motortreler Defendan telah memasuki laluan Plaintif ketika Plaintif sedang bergerak terus di laluannya sendiri. Defendan gagal memastikan bahawa pergerakan membelok tersebut selamat sebelum memasuki laluan Plaintif.

[45] Namun begitu, Mahkamah masih perlu mempertimbangkan sama ada terdapat unsur kecuaian di pihak Plaintif yang menyumbang kepada kemalangan tersebut.

Kecuaian Sumbangan (Contributory Negligence)

[46] Dalam hal ini, pihak Defendan telah bergantung kepada kes *Mohd Zukhairi Abd Ghapar & Anor v. Quek Chiam Kee* [2003] 4 MLRH 5; [2004] 5 MLJ 6; [2004] 5 CLJ 181 bagi menyokong hujahan bahawa Plaintif mempunyai peluang yang mencukupi untuk mengelak kemalangan namun gagal berbuat demikian. Dalam kes tersebut, Plaintif yang berumur 12 tahun menunggang basikal berhampiran kawasan sekolah dan terlibat dalam kemalangan berhampiran lintasan zebra. Mahkamah bicara mendapati kedua-dua pihak menyumbang kepada kemalangan dan menetapkan liabiliti pada kadar 50:50, yang kemudiannya dikekalkan di peringkat rayuan. Antara pertimbangan utama Mahkamah ialah bahawa Plaintif dalam kes tersebut mempunyai peluang yang mencukupi untuk mengelakkan kemalangan kerana bahaya telah dapat dilihat lebih awal, dan masih terdapat masa untuk mengambil langkah seperti memperlahankan basikal atau mengubah haluan. Kegagalan berbuat demikian menjadi asas kepada dapatan contributory negligence terhadap Plaintif.

[47] Walau bagaimanapun, Mahkamah mendapati fakta dalam kes di hadapan Mahkamah ini berbeza secara material daripada fakta dalam kes *Mohd Zukhairi Abd Ghapar v. Quek Chiam Kee (supra)*. Berdasarkan keterangan yang telah dinilai, Defendan dalam kes ini telah membelok dan memasuki laluan Plaintif ketika Plaintif sedang bergerak terus di laluannya sendiri. Kedudukan titik impak pada bahagian hadapan kiri motortreler Defendan turut menyokong dapatan bahawa pelanggaran berlaku semasa motortreler tersebut sedang memasuki laluan Plaintif.

[48] Pada pandangan Mahkamah, keadaan ini menunjukkan bahawa pergerakan Defendan berlaku dalam jarak dan tempoh masa yang terlalu hampir sehingga Plaintif tidak mempunyai peluang yang munasabah untuk mengambil tindakan mengelak sebagaimana yang wujud dalam kes *Mohd Zukhairi*. Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah sukar menerima bahawa Plaintif mempunyai ruang atau masa yang mencukupi untuk mengelakkan pelanggaran tersebut.

[49] Mahkamah mengambil perhatian prinsip yang dihuraikan dalam kes *Jagdave Singh Saran Singh lwn. Preseelan Balachandran* [2024] MLRHU 464.

Dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa tindakan Defendan yang secara tiba-tiba menukar lorong dan membelok ke hadapan motosikal Plaintif telah mewujudkan keadaan cemas ("agony of the moment"), menyebabkan Plaintif terpaksa bertindak secara spontan untuk mengelak kemalangan. Mahkamah antara lain memutuskan seperti berikut:

> "[39] Keadaan "dalam masa genting" (agony of the moment) telah mengadakan prinsip undang-undang mantap iaitu dalam keadaan "dalam masa genting" kemalangan berlaku adalah bukan atas kecuaian sesuatu pihak tetapi kerana beliau diletakkan dalam keadaan untuk mengambil tindakan yang walaupun cuai dalam konteks sendiri, ia diakibatkan oleh perbuatan pihak yang lagi satu (*Chaim Flanchaum v. Koh Peng Koon* [1949] 1 MLRH 670; [1949] 2 MLJ 23; *Yap Kim Chye & Anor v. Seow Seng Choon* [1952] 1 MLRH 48; [1952] 1 MLJ 168; *Govinda Raju & Anor v. Laws* [1965] 1 MLRH 401; [1966] 1 MLJ 188; *Tay Koh Yat Bus Co Ltd v. Chua Chong Cher & Ors* [1972] 1 MLRA 16; [1972] 1 MLJ 183; *Yeoh Cheng Han v. Official Administrator Malaya* [1972] 1 MLRA 55; [1972] 2 MLJ 7; *Len Omnibus Co Bhd v. North South Transport Sdn Bhd & Anor & Another Appeal* [1978] 1 MLRA 619; [1978] 2 MLJ 246).
>
> [40] Tindakan Defendan yang bertukar lorong untuk membelok masuk ke simpang kiri di hadapan Plaintif adalah suatu kegagalan Defendan untuk mematuhi Peraturan-peraturan Lalu-lintas (Road Traffic Rules)."

[50] Pada pandangan Mahkamah, prinsip yang sama terpakai dalam kes di sini. Plaintif secara tiba-tiba diletakkan dalam keadaan bahaya apabila Defendan memasuki laluannya semasa membelok. Dalam situasi sedemikian, Plaintif mempunyai masa yang amat terhad untuk bertindak dan tidak boleh diharapkan membuat pertimbangan yang sempurna dalam sekelip mata. Reaksi Plaintif, pada hemat Mahkamah, merupakan reaksi spontan seorang pengguna jalan raya dalam situasi pelanggaran setelah laluannya dihalang secara tiba-tiba oleh motortreler Defendan.

[51] Mahkamah mendapati tindakan Defendan yang memasuki laluan Plaintif secara mengejut merupakan punca yang mewujudkan keadaan cemas tersebut. Mahkamah berpendapat Plaintif telah bertindak secara munasabah dalam keadaan yang berlaku 'serta-merta', namun gagal mengelakkan pelanggaran akibat ruang dan masa yang terlalu singkat. Dalam keadaan "agony of the moment" sedemikian, Mahkamah tidak dapat menerima bahawa kegagalan Plaintif mengelakkan kemalangan sepenuhnya boleh dianggap sebagai kecuaian yang menyumbang kepada kemalangan.

[52] Mahkamah turut mengambil prinsip penghakiman Mahkamah Tinggi dalam kes *Govinda Raju & Anor v. Laws (supra)* dan mendapati Defendan sendiri gagal memastikan laluan benar-benar selamat serta gagal mengekalkan pemerhatian yang sewajarnya ("proper lookout") sebelum memasuki laluan Plaintif. Kegagalan tersebut akhirnya menyebabkan berlakunya kemalangan. Hakim Raja Azlan Shah J (pada masa itu) memutuskan:

"...Section 18 of the Highway Code states:

> When turning left or right drivers must always give way to through traffic, including pedestrians.

Applying these tests, it is clearly established that the defendant failed to keep a proper look out before he swerved to the right, resulting in the accident. Indeed, he admitted this in evidence. From that it can be reasonably inferred that he was negligent in the way he did."

[53] Setelah menilai keseluruhan keterangan dan bukti yang dikemukakan, Mahkamah mendapati versi Plaintif adalah lebih konsisten dan selari dengan bukti fizikal serta dapatan SP1 berbanding versi Defendan. Mahkamah juga tidak mendapati wujud sebarang kecuaian sumbangan di pihak Plaintif. Oleh itu, liabiliti terhadap kemalangan ini ditanggung sepenuhnya oleh Defendan.

Isu Kuantum

[54] Mahkamah mengambil prinsip dalam penghakiman *Sivakumaran Selvaraj & Ors. (Suing Through Their Mother And Next Friend, Selvi Muthusamy) & Anor. v. Yu Pan & Anor.* [1994] 2 MLRH 358; [1995] 1 MLJ 12; [1994] 4 CLJ 1066 bahawa seseorang Defendan bertanggungan terhadap kecederaan atau kerugian yang merupakan akibat langsung daripada tindakannya yang cuai, selagi kerugian tersebut bukan sesuatu yang terlalu jauh atau luar jangka daripada kemalangan itu. Hakim Dato' KC Vohrah J (pada masa itu) memutuskan:

> "As regards damage in consequence of a breach of a duty to take care, the fundamental rule is that the injury suffered by the plaintiff must not be too remote a consequence of the defendant's conduct, or, as it is often said, the damage must not be too remote. In this connection, on the authority of the decision of the Court of Appeal in England in the case of *Re Polemis & Furness, Withy & Co Ltd* [1921] 3 KB 560, the rules was that if a reasonable man would have foreseen any damage to the plaintiff as likely to result from the defendant's act, then he was liable for all direct consequences of it suffered by the plaintiff whether a reasonable mane would have foreseen them or not, that is, if they were directly traceable to the act and not due to the operation of independent intervening causes. The test of duty is foreseeability of some damage to the plaintiff. The test of damage is that the kind and the extent of plaintiff's damage should have been foreseeable in general outline."

[55] Bagi menentukan kuantum, Mahkamah merujuk kepada 3 Laporan Perubatan yang telah dipersetujui oleh Plaintif dan Defendan seperti berikut:

a) Laporan Perubatan Hospital Selayang bertarikh 28 April 2023 di ms 12-15 Ikatan Dokumen B;

b) Laporan Perubatan Pakar Plaintif bertarikh 26 Julai 2023 di ms 17-36 Ikatan Dokumen B; dan

c) Laporan Pakar Ortopedik Defendan bertarikh 15 Disember 2023 di Ikatan Dokumen D.

[56] Berdasarkan laporan perubatan Hospital Selayang dan laporan pakar oleh Dr Jeyaratnam, Mahkamah mendapati bahawa Plaintif telah mengalami kecederaan-kecederaan berikut:

(i) Degloving wound over the anterior aspect of the left thigh with significant skin loss;

(ii) Total loss of the rectus femoris muscle of the left lower limb;

(iii) Partial tears of the vastus medialis, vastus lateralis and vastus intermedius muscles;

(iv) Open wound extending from the scrotal region to the anterior thigh up to the knee;

(v) Traumatic arthrotomy of the left knee;

(vi) Superficial abrasion wounds over the penile and scrotal surfaces;

(vii) Superficial abrasion wounds over the right testis and right inner thigh;

(viii) Muscle wasting over the left thigh and calf;

(ix) Requirement for split skin grafting due to extensive soft tissue loss; dan

(x) Extensive and permanent scarring over the abdomen, both thighs, left knee and scrotal region.

Kecederaan (i) Hingga (viii) - Severe Degloving Injury

[57] Bagi tujuan penilaian kuantum, Mahkamah berpendapat kecederaan yang dialami oleh Plaintif ini wajar dinilai secara keseluruhan dan bukan secara terasing. Keterangan perubatan menunjukkan Plaintif mengalami severe degloving injury melibatkan paha kiri, kawasan groin dan lutut kiri sehingga menyebabkan kehilangan kulit dan otot yang ketara, termasuk total loss of the rectus femoris muscle, kecederaan pada struktur quadriceps lain serta traumatic arthrotomy pada lutut kiri. Kecederaan tersebut turut melibatkan kawasan genital dan mengakibatkan muscle wasting pada paha dan betis kiri.

[58] Pada pandangan Mahkamah, kesemua kecederaan tersebut berpunca daripada satu trauma utama yang sama dan memberi kesan fungsi yang saling

berkait. Dalam keadaan sedemikian, penilaian secara berasingan bagi setiap kecederaan bukan sahaja tidak sesuai, malah berisiko mengakibatkan pertindihan dalam pemberian gantirugi. Pendekatan yang lebih wajar ialah penilaian secara global atau lump sum berdasarkan keseluruhan kesan kecederaan yang dialami Plaintif.

[59] Dalam hal ini, Mahkamah merujuk kepada prinsip yang digariskan dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor v. Teow Ah Keow* [1995] 2 MLRA 379; [1995] 3 MLJ 89; [1996] 3 CLJ 665; [1995] 3 AMR 2733 bahawa apabila beberapa kecederaan dan ketidakupayaan timbul daripada satu insiden atau trauma yang sama, penilaian gantirugi hendaklah dibuat secara menyeluruh berdasarkan keseluruhan kesan terhadap Plaintif, dan bukannya dengan mengasingkan setiap kecederaan kepada award yang berbeza. Mahkamah Rayuan memutuskan:

> "In our judgment, particularly where the disabilities stem from the one injury as is the case here all the disabilities being neurological in nature, the extent of overlap will be such that there would be a merger as it were."

[60] Pendekatan ini juga adalah selari dengan keputusan dalam kes *Fatini Syafiqah Md Fairus v. Yuwanesanall Ganesan & Anor* [2025] 2 PIR 43, *Nagesperi Rajoo @ Kandesamy & Anor v. Soo Kim Bee* [2023] 2 PIR 9, dan *Murugesh Krishna & Satu Lain lwn. Goo Soon Siang & Satu Lain* [2022] PILRU 7; [2022] 1 PIR 31, di mana kecederaan degloving bersama kecederaan berkaitan telah dinilai secara global tanpa dipecahkan kepada komponen berasingan. Begitu juga dalam kes *Halim Putra Arifin & Ors v. Mohamad Yusri Maaza & Anor* [2016] PILRU 8; [2018] 1 PIR 56, kecederaan seperti abrasions dan muscle wasting hanya diambil kira sebagai sebahagian daripada keseluruhan kesan kecederaan yang dialami Plaintif.

[61] Mahkamah mendapati kecederaan yang dialami Plaintif bukan sekadar melibatkan luka luaran atau kecederaan tisu lembut biasa. Kecederaan tersebut melibatkan kerosakan serius pada struktur otot utama di bahagian kaki kiri sehingga menjejaskan fungsi dan kekuatan anggota tersebut. Kehilangan keseluruhan rectus femoris muscle, yang merupakan antara otot penting bagi pergerakan kaki dan kestabilan lutut, memberi kesan nyata terhadap keupayaan Plaintif untuk berjalan dan menggunakan kaki kirinya secara normal. Kehadiran muscle wasting pada paha dan betis kiri pula menunjukkan bahawa kesan kecederaan itu masih berterusan walaupun selepas rawatan dan pemulihan.

[62] Mahkamah turut memberi perhatian kepada residual effect yang dinyatakan dalam laporan Dr Jeyaratnam. Berdasarkan laporan tersebut, Plaintif mengalami kekakuan (stiffness) dan kelemahan (weakness) pada pinggul, lutut dan buku lali kiri, disertai had pergerakan yang ketara serta muscle wasting pada paha dan betis kiri. Plaintif juga mengalami fixed flexion deformity pada buku lali kiri yang menjejaskan pergerakannya. Akibat daripada kecederaan tersebut, Plaintif menghadapi kesukaran untuk berjalan, berdiri dalam tempoh yang lama, mencangkung, berlari dan memanjat.

Plaintif turut mengalami bengkak berterusan pada kaki kiri serta berisiko mengalami komplikasi lanjut seperti deep vein thrombosis.

[63] Pada pandangan Mahkamah, kesan-kesan tersebut bukan bersifat sementara, tetapi memberi kesan berpanjangan terhadap kehidupan harian Plaintif. Walaupun Plaintif masih mempunyai fungsi pada anggota bawah kirinya, kecederaan yang dialami jelas menjejaskan mobiliti, kestabilan dan kekuatan kaki tersebut secara signifikan. Mahkamah turut mengambil kira bahawa kecederaan itu melibatkan kawasan sensitif termasuk scrotum dan kawasan genital, yang semestinya memberi kesan bukan sahaja dari sudut fizikal, malah terhadap penampilan diri dan keadaan emosi Plaintif.

[64] Mahkamah selanjutnya meneliti kes *Rozita Ab Rashid lwn. Gunalan Marimuthu Dan Satu Lagi* [2018] PILRU 109; [2020] 1 PIR 28 yang dirujuk oleh pihak Defendan. Memang tidak dinafikan bahawa kecederaan dalam kes tersebut adalah serius sehingga menyebabkan fungsi anggota atas Plaintif hampir hilang sepenuhnya. Namun begitu, pada pandangan Mahkamah, penilaian tahap kecederaan tidak boleh dibuat semata-mata berdasarkan sama ada sesuatu anggota masih boleh digunakan atau tidak.

[65] Dalam kes di hadapan Mahkamah ini, walaupun Plaintif masih mempunyai sebahagian fungsi pada anggota bawah kirinya, kecederaan yang dialami melibatkan kerosakan tisu dan otot yang sangat meluas pada bahagian paha, lutut dan kawasan genital, disertai residual effect yang berpanjangan terhadap pergerakan dan mobiliti Plaintif. Kecederaan tersebut bukan sahaja melibatkan kehilangan fungsi fizikal pada tahap tertentu, tetapi turut memberi kesan terhadap penampilan diri, keselesaan harian dan kualiti hidup Plaintif secara keseluruhan. Pada pandangan Mahkamah, faktor-faktor tersebut menjadikan kecederaan Plaintif lebih kompleks dan tidak wajar dinilai semata-mata berdasarkan sama ada anggota tersebut masih boleh digunakan.

[66] Mahkamah turut meneliti kes *Sanjiswaran Thamppiraja lwn. Abdul Ghafar Abdul Ghani & Satu Lagi* [2016] PILRU 45; [2016] 2 PIR 53 yang dirujuk oleh pihak Defendan, di mana sejumlah RM20,000.00 di awardkan bagi kecederaan degloving injury pada lengan. Namun, Mahkamah mendapati kecederaan dalam kes tersebut jauh lebih terhad dan tidak melibatkan kehilangan otot utama, penglibatan sendi atau kesan residual yang meluas sebagaimana dalam kes di Mahkamah ini. Oleh itu, Mahkamah berpendapat bahawa kes tersebut tidak benar-benar setanding dengan tahap dan keluasan kecederaan yang dialami Plaintif dalam kes ini.

[67] Mahkamah bagaimanapun tidak mengetepikan hujahan Defendan bahawa Plaintif telah menunjukkan tahap pemulihan tertentu selepas menjalani rawatan dan fisioterapi. Berdasarkan laporan pakar ortopedik Defendan, luka tisu lembut Plaintif telah sembuh, tiada defisit neurologi dikesan dan kekuatan otot anggota bawah kiri berada pada tahap sekitar 4/5. Mahkamah juga mengambil maklum bahawa Plaintif masih mampu bergerak sendiri dan hadir ke Mahkamah dari Taiping, Perak.

[68] Namun begitu, hakikat bahawa Plaintif masih boleh bergerak atau

mempunyai fungsi asas pada anggota bawah kirinya tidak bermaksud beliau telah pulih sepenuhnya daripada kesan kecederaan tersebut. Laporan yang sama turut merekodkan bahawa Plaintif masih mengalami had pergerakan pada pinggul, lutut dan buku lali kiri, disertai kekakuan sendi, kelemahan fungsi dan fixed flexion deformity pada buku lali kiri. Plaintif juga masih menghadapi kesukaran untuk mencangkung, duduk bersila serta berjalan bagi jarak yang jauh.

[69] Pada pandangan Mahkamah, keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pemulihan dari segi fungsi asas, kecederaan yang dialami tetap meninggalkan kesan yang berpanjangan terhadap mobiliti dan penggunaan anggota bawah kiri Plaintif. Plaintif masih mengalami kekurangan dari segi kekuatan otot, kestabilan dan daya tahan anggota tersebut, yang secara berterusan menjejaskan pergerakan serta aktiviti hariannya.

[70] Mahkamah dapati Plaintif dalam hujahan kuantumnya telah mengasingkan penilaian bagi setiap kecederaan yang dialami. Namun secara keseluruhan jika dicampurkan, Plaintif menuntut sejumlah RM71,000.00 bagi kecederaan di bawah heading ini manakala Defendan pula mencadangkan jumlah RM35,000.00.

[71] Setelah meneliti tahap kecederaan, kesan residual yang dialami serta tahap pemulihan Plaintif selepas rawatan, Mahkamah berpendapat bahawa kecederaan ini melibatkan kesan yang serius terhadap fungsi anggota bawah kiri, khususnya apabila turut melibatkan kehilangan otot utama dan penglibatan sendi.

[72] Pada masa yang sama, Mahkamah turut mengambil kira bahawa Plaintif masih mempunyai tahap mobiliti dan fungsi tertentu selepas menjalani rawatan dan fisioterapi. Justeru, award yang diberikan mestilah mencerminkan tahap kecederaan yang dialami tanpa menjadi berlebihan apabila dibandingkan dengan autoriti yang dirujuk. Dalam keadaan tersebut, Mahkamah berpendapat bahawa jumlah RM50,000.00 adalah munasabah dan sesuai bagi kecederaan ini.

Kecederaan (ix) - Split Skin Grafting

[73] Bagi kecederaan ini, Plaintif menghujahkan sejumlah RM25,000.00 manakala pihak Defendan mencadangkan sejumlah RM10,000.00.

[74] Mahkamah terlebih dahulu menegaskan bahawa prosedur split skin grafting dalam kes ini bukanlah suatu kecederaan yang berdiri sendiri, tetapi merupakan rawatan pembedahan yang diperlukan akibat kecederaan utama Plaintif iaitu severe degloving injury. Oleh itu, Mahkamah perlu menilai setakat mana kesan daripada prosedur tersebut telah pun diambil kira dalam penilaian kecederaan utama sebelum ini.

[75] Dalam menilai kecederaan utama Plaintif, Mahkamah sememangnya telah mengambil kira keseluruhan kesan fizikal yang dialami, termasuk

kehilangan tisu lembut, kehilangan otot serta gangguan fungsi pada anggota bawah kiri. Penilaian tersebut turut merangkumi secara umum penderitaan yang berkaitan dengan rawatan yang perlu dijalani Plaintif. Namun begitu, Mahkamah berpendapat bahawa kesakitan dan penderitaan tambahan yang timbul secara khusus daripada prosedur split skin grafting masih wajar diberi pertimbangan berasingan, khususnya melibatkan prosedur pembedahan itu sendiri, tempoh pemulihan yang lebih panjang serta kewujudan luka tambahan pada donor site.

[76] Laporan pakar perubatan menunjukkan kewujudan beberapa parut kekal, termasuk parut degloving berukuran 34 cm x 7 cm, parut tambahan 45 cm x 26 cm melibatkan kawasan graft (recipient site) dan kawasan donor site sekitar 20 cm x 20 cm.

[77] Plaintif telah menjalani prosedur split skin grafting bagi menutup kawasan luka yang luas akibat kecederaan degloving tersebut. Prosedur itu melibatkan pengambilan kulit daripada satu bahagian badan untuk dipindahkan ke kawasan kecederaan, yang secara tidak langsung turut mewujudkan satu lagi kawasan luka pada bahagian asal pengambilan kulit atau donor site, Pada pandangan Mahkamah, penderitaan yang timbul daripada luka tambahan tersebut tidak boleh dianggap sebagai sebahagian biasa daripada kecederaan asal semata-mata, tetapi merupakan kesan lanjut daripada prosedur rawatan yang terpaksa dijalani Plaintif akibat kecederaan serius tersebut.

[78] Mahkamah turut mengambil kira bahawa prosedur split skin grafting ini juga bukan dilakukan bagi tujuan kosmetik semata-mata, tetapi merupakan rawatan yang perlu memandangkan kecederaan Plaintif melibatkan kehilangan kulit yang luas, kerosakan tisu lembut, kehilangan otot serta penglibatan sendi pada lutut kiri. Keseluruhan keadaan ini menunjukkan tahap trauma yang dialami Plaintif adalah serius dan memerlukan rawatan pembedahan yang ekstensif.

[79] Plaintif dalam hujahannya merujuk kepada kes *Saranya Mahendran & Anor v. Harta Pesaka Mohamad Shazrin Hassan & Ors* [2025] PILRU 118. Dalam kes tersebut, Plaintif mengalami kecederaan tisu lembut yang serius dengan luka terbuka yang luas serta kehilangan kulit yang memerlukan prosedur split skin grafting.

[80] Mahkamah turut meneliti kes-kes yang dirujuk oleh pihak Defendan berhubung tuntutan bagi split skin grafting, khususnya kes *Katirvell Nageichelvam & Satu Lagi lwn. Wakil Peribadi Harta Pusaka Annanda Kumar Domotharam Pillai* [2022] PILRU 66; [2024] 2 PIR 8 dan *Muhammad Izzat Rosnan & Anor v. Syazwi Sazali & Ors* [2019] 2 PIR 48, yang mana mahkamah dalam kes-kes tersebut telah membenarkan award sebanyak RM10,000.00 dan RM11,000.00 masing-masing bagi kecederaan skin grafting.

[81] Dalam kes *Saranya Mahendran (supra)*, Mahkamah dalam kes tersebut memberi penekanan khusus kepada keluasan kawasan graft yang disifatkan sebagai "the large extent of the grafted area", selain sifat luka terbuka yang lebih serius dan meluas. Faktor tersebut jelas mempengaruhi award yang lebih

tinggi sebanyak RM25,000.00. Sebaliknya, dalam kes di hadapan Mahkamah ini, walaupun Plaintif turut menjalani prosedur split skin grafting, keluasan kawasan yang terlibat serta tahap komplikasi dan kesan kekal kecederaan adalah lebih sederhana berbanding kes *Saranya Mahendran*.

[82] Seterusnya, kedua-dua kes yang dirujuk oleh Defendan adalah berbeza secara material daripada kes di hadapan Mahkamah ini. Pertama, kecederaan dalam kes-kes tersebut tidak menunjukkan penglibatan extensive degloving injury atau kehilangan tisu dan otot yang meluas seperti dalam kes di sini. Rujukan kepada skin grafting dalam kes-kes tersebut adalah bersifat terhad dan tidak dikaitkan dengan kecederaan tisu lembut yang kompleks atau kerosakan struktur otot utama. Kedua, keluasan kawasan yang menjalani prosedur graft dalam kes di sini adalah jauh lebih besar, termasuk kawasan paha dan melibatkan sebaran ke kawasan berhampiran scrotum, yang secara langsung memberi kesan kosmetik dan fungsi yang lebih signifikan berbanding kes-kes yang dirujuk oleh Defendan.

[83] Dalam hal ini, Mahkamah berpendapat bahawa kes *Katirvell* dan *Muhammad Izzat* lebih sesuai dikategorikan sebagai kes minor to moderate grafting, dan tidak mencerminkan tahap keterukan kecederaan seperti dalam kes di hadapan Mahkamah ini. Sebaliknya kes *Saranya Mahendran*, pada hemat Mahkamah, lebih sesuai dilihat sebagai penanda aras di had atas bagi kecederaan yang melibatkan prosedur skin grafting.

[84] Tambahan pula, tiada keterangan menunjukkan Plaintif mengalami komplikasi luar biasa daripada prosedur tersebut, seperti kegagalan graft atau jangkitan serius. Ini menunjukkan bahawa walaupun Plaintif terpaksa menjalani prosedur split skin grafting yang invasif, proses pemulihannya secara keseluruhan adalah memuaskan tanpa komplikasi yang luar biasa.

[85] Dalam keadaan tersebut, Mahkamah berpendapat bahawa suatu award sederhana sejumlah RM15,000.00 adalah munasabah bagi mencerminkan kesakitan dan penderitaan tambahan akibat prosedur split skin grafting tersebut, tanpa menyebabkan pertindihan dengan penilaian berhubung kesan parut yang akan dipertimbangkan secara berasingan selepas ini.

Kecederaan Di (x) - Multiple Scarring

[86] Defendan berhujah bahawa kecederaan split skin grafting dan multiple scarring adalah bertindih (overlapping) dan oleh itu tidak wajar dinilai secara berasingan.

[87] Mahkamah bersetuju bahawa prosedur split skin grafting sememangnya akan menghasilkan parut pada kawasan penerima (recipient site) dan kawasan penderma (donor site). Namun demikian, Mahkamah tidak bersetuju bahawa atas alasan tersebut kedua-dua tuntutan ini mesti dianggap bertindih sepenuhnya.

[88] Pada hemat Mahkamah, terdapat perbezaan yang nyata antara kedua-duanya. Split skin grafting merujuk kepada prosedur pembedahan yang

dijalani oleh Plaintif, termasuk kesakitan, tempoh pemulihan serta beban rawatan yang terlibat. Sebaliknya, multiple scarring merujuk kepada kesan kekal pada tubuh Plaintif selepas kecederaan dan rawatan tersebut. Dengan kata lain, satu berkaitan dengan pengalaman rawatan yang dilalui, manakala satu lagi berkaitan dengan keadaan kekal selepas rawatan.

[89] Sehubungan itu, Mahkamah berpendapat bahawa kedua-dua kecederaan ini boleh dipertimbangkan secara berasingan, dengan syarat bahawa Mahkamah perlu memastikan tiada penilaian berganda dibuat terhadap kesan yang sama.

[90] Berdasarkan kedua-dua laporan perubatan pakar oleh Dr Jeyaratnam dan pakar Ortopedik Defendan Dr CS Kumar, Mahkamah mendapati bahawa Plaintif mengalami extensive and permanent scarring yang melibatkan beberapa bahagian badan, dengan butiran seperti berikut:

a) Beberapa abrasion scars pada bahagian abdomen, termasuk parut bersaiz 3 cm x 3 cm, 8 cm x 2 cm dan 5 cm x 2 cm, serta parut hypopigmented pada bahagian abdomen;

b) Parut degloving yang besar pada kedua-dua paha, termasuk:

(i) parut sekitar 45 cm x 26 cm pada paha kiri (dengan split skin graft recipient scar); dan

(ii) parut sekitar 34 cm x 7 cm pada paha kanan (dengan split skin graft donor scar sekitar 20 cm x 20 cm);

c) Parut tambahan pada paha kanan dan kiri yang bersifat hypopigmented dan hyperpigmented, termasuk parut besar sehingga 39 cm x 17 cm;

d) Parut pembedahan (keloid surgical scar) pada bahagian lutut kiri sekitar 14 cm x 2 cm;

e) Parut pada kawasan scrotum, termasuk:

(i) parut abrasion sekitar 6 cm x 5 cm; dan

(ii) parut hyperpigmented sekitar 3 cm x 3 cm.

[91] Mahkamah juga mengambil perhatian bahawa walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi ukuran dan deskripsi antara laporan pakar Plaintif dan Defendan, kedua-dua laporan tersebut adalah konsisten dalam mengesahkan bahawa Plaintif mengalami parut yang luas, melibatkan bahagian utama anggota bawah, serta meninggalkan kesan kekal akibat kecederaan yang dialami.

[92] Dalam menentukan kuantum yang sesuai, Mahkamah mengambil kira sifat dan keluasan parut yang dialami oleh Plaintif. Parut-parut tersebut bukan

sahaja melibatkan kawasan yang luas pada kedua-dua paha, malah turut melibatkan abdomen serta kawasan sensitif seperti scrotum. Dari segi ukuran, terdapat parut yang besar dan jelas kelihatan, khususnya pada paha, yang pada hemat Mahkamah memberi kesan kosmetik yang ketara serta berpotensi menjejaskan keyakinan diri Plaintif.

[93] Dapat dilihat, parut-parut tersebut adalah kekal dan tidak akan pulih sepenuhnya, serta merupakan kesan langsung daripada kecederaan serius yang dialami oleh Plaintif termasuk degloving injury dan prosedur split skin grafting. Ini membezakan kes ini daripada kes-kes yang hanya melibatkan parut kecil atau setempat.

[94] Mahkamah meneliti kepada autoriti yang dirujuk oleh pihak-pihak. Dalam kes *Saranya Mahendran & Anor v. Harta Pesaka Mohamad Shazrin Hassan & Ors (supra)*, Mahkamah membenarkan award RM25,000.00 bagi multiple scars yang meluas dan kekal. Manakala dalam kes *Tay Mook Seng & Anor Entulu Anil & Anor* [2014] PILRU 161; [2014] 2 PIR 121 dan *Muhammad Hassan lwn. Lam Ngit Choi & Anor* [2017] MLRSU 105; [2017] 1 PIR 40, award masing-masing sebanyak RM30,000.00 dan RM35,000.00 diberikan dalam keadaan parut yang lebih ketara dan memberi kesan yang lebih signifikan. Defendan berhujah bahawa kes *Saranya Mahendran* dan *Tay Mook Seng* tidak menyokong tuntutan Plaintif.

[95] Bagi kes *Saranya Mahendran (supra)*, Mahkamah mendapati bahawa kecederaan melibatkan parut keloid pada tangan, iaitu kawasan yang terdedah dan mempunyai kepentingan kosmetik yang lebih jelas. Justeru, award dalam kes tersebut dipengaruhi oleh tahap keterlihatan parut. Kes tersebut menunjukkan bahawa parut yang kekal dan memberi kesan kepada penampilan adalah suatu faktor yang boleh dipertimbangkan dalam penilaian gantirugi, walaupun tahap keterlihatan mungkin berbeza.

[96] Manakala kes *Tay Mook Seng (supra)*, Mahkamah dapati perincian mengenai sifat dan keluasan parut tidak dinyatakan dengan jelas. Dalam keadaan tersebut, nilai kes itu sebagai perbandingan adalah terhad.

[97] Defendan turut berhujah bahawa parut Plaintif kebanyakannya terletak pada bahagian yang terlindung. Walau bagaimanapun, pada hemat Mahkamah, penilaian terhadap parut tidak boleh bergantung semata-mata kepada sama ada ia terdedah atau tidak. Faktor lain seperti keluasan parut, lokasi termasuk kawasan sensitif, serta kesan keseluruhan terhadap keadaan fizikal Plaintif juga perlu diberi perhatian.

[98] Mahkamah turut mempertimbangkan kes-kes yang dirujuk oleh Defendan, seperti *Parthiba Kumar Subramaniam v. Amiruddin Biden* [2025] 1 PIR 17 dan *Sham Daniel Abdullah lwn. Amrey Abdul Aziz & Satu Lagi* [2025] PILRU 40; [2025] 1 PIR 40, di mana award yang lebih rendah diberikan. Walau bagaimanapun, kes-kes tersebut hanya melibatkan parut yang bersaiz kecil dan terhad, dan tidak setara dengan keluasan serta sifat parut seperti dalam kes di hadapan Mahkamah ini.

[99] Dengan mengambil kira keseluruhan keadaan, termasuk keluasan dan lokasi parut, sifat kekal dan kesan kosmetik, serta panduan daripada autoriti, Mahkamah berpendapat bahawa suatu award sebanyak RM18,000.00 adalah munasabah dan adil bagi multiple scarring dalam kes ini.

Pain And Suffering

[100] Mahkamah seterusnya meneliti tuntutan Plaintif berhubung gantirugi bagi kesakitan dan penderitaan (pain and suffering), yang dihujahkan secara berasingan daripada kecederaan utama dan prosedur rawatan yang telah dinilai.

[101] Adalah merupakan pertimbangan asas bahawa dalam menilai personal injury claim, kesakitan dan penderitaan adalah sebahagian daripada kecederaan itu sendiri. Apabila Mahkamah menilai kecederaan utama seperti degloving injury serta kesan rawatan termasuk split skin grafting dan multiple scarring, penilaian tersebut sememangnya telah mengambil kira kesakitan dan ketidakselesaan yang dialami oleh Plaintif sepanjang tempoh rawatan dan pemulihan.

[102] Dalam hal ini, Mahkamah telah pun memberikan gantirugi di bawah kecederaan utama (degloving injury), prosedur split skin grafting serta multiple scarring, yang secara kolektif mengambil kira keseluruhan impak kecederaan termasuk kesakitan yang dialami oleh Plaintif akibat trauma dan rawatan yang dijalankan.

[103] Mahkamah seterusnya mendapati bahawa tuntutan Plaintif bagi pain and suffering secara berasingan tidak disokong oleh keterangan khusus. Tiada bukti yang menunjukkan penderitaan luar biasa yang belum diambil kira dalam penilaian terdahulu. Mahkamah juga tidak melihat sebarang komplikasi luar biasa, pembedahan berulang, atau tahap kesakitan yang melebihi kebiasaan.

[104] Mahkamah juga mengambil kira bahawa prinsip undang-undang yang mantap menghendaki bahawa gantirugi tidak boleh diberikan dua kali bagi kesan yang sama (no double compensation). Sekiranya Mahkamah memberikan suatu award tambahan bagi kesakitan dan penderitaan yang sama yang telah diambil kira terdahulu, ia akan mengakibatkan pertindihan gantirugi yang tidak wajar. Oleh yang demikian, tuntutan Plaintif bagi gantirugi pain and suffering adalah ditolak.

Kehilangan Pendapatan

[105] Berdasarkan penyataan tuntutan serta hujahan bertulis Plaintif, Mahkamah mendapati bahawa tuntutan yang dikemukakan adalah pada asasnya bagi kehilangan pendapatan masa hadapan (loss of future earnings) dengan jumlah RM548,352.00, yang dikira berasaskan pendapatan bulanan sebagai seorang seaman dan multiplier jangka panjang.

[106] Dalam menilai tuntutan ini, Mahkamah terlebih dahulu mengambil kira

peruntukan s 28A Akta Undang-Undang Sivil 1956, khususnya subseksyen (2)(c)(i) dan (ii), yang menetapkan syarat-syarat bagi pemberian gantirugi untuk tuntutan tersebut. Seksyen 28A(2)(c)(i) dan (ii) Akta Undang-Undang Sivil 1956 memperuntukkan:

> "(2) In assessing damages under this section:
>
> ...
>
> (c) in awarding damages for loss of future earnings the Court shall take into account:
>
> (i) that the plaintiff's age at the time of the injury was not more than fifty-five years;
>
> (ii) that the plaintiff had been in good health before the injury and was receiving earnings by his own labour or other gainful activity at the time of the injury;"

[107] Peruntukan tersebut, antara lain, memperuntukkan bahawa gantirugi bagi kehilangan pendapatan masa hadapan tidak boleh diberikan melainkan dibuktikan bahawa Plaintif sedang menerima pendapatan atau aktiviti yang mendatangkan hasil pada masa kemalangan. Pada hemat Mahkamah, peruntukan ini adalah bersifat mandatori dan menjadi asas penting dalam menentukan sama ada sesuatu tuntutan bagi loss of future earnings boleh dibenarkan.

[108] Mahkamah bagaimanapun mendapati bahawa tuntutan Plaintif bagi loss of future earnings tidak dapat dipertahankan di sisi undang-undang. Berdasarkan peruntukan di atas, Plaintif perlu membuktikan bahawa beliau mempunyai pendapatan sebenar pada masa kemalangan berlaku. Dalam hal ini, Mahkamah dipandu oleh keputusan *Dirkje Pieternella Halma v. Mohd Noor Baharom & Ors* [1990] 1 MLRA 383; [1990] 3 MLJ 103; [1990] 1 CLJ (Rep) 99 dan *Tan Kim Chuan & Anor v. Chandu Nair Krishna Nair* [1991] 1 MLRA 232; [1991] 2 MLJ 42; [1991] 1 CLJ (Rep) 441 yang menegaskan bahawa kegagalan membuktikan pendapatan sebenar adalah fatal kepada tuntutan sedemikian.

[109] Adalah tidak dipertikaikan bahawa Plaintif tidak bekerja pada masa kemalangan berlaku. Walaupun terdapat keterangan bahawa Plaintif sedang dalam persediaan untuk kembali bekerja sebagai seaman, Mahkamah mendapati Plaintif belum menandatangani kontrak pekerjaan, belum menerima penempatan kerja dan belum mula memperoleh pendapatan pada masa kemalangan.

[110] Mahkamah seterusnya meneliti hujahan Plaintif yang bergantung, antara lain, kepada keputusan *Low You Choy & Yang Lain lwn. Chan Mun Kit & Yang Lain* [1992] 1 MLRH 299; [1992] 1 CLJ (Rep) 492 dan *Mohd Nor Haris v. MISC Berhad* [2016] 2 MELR 465; [2016] 3 ILR 71.

[111] Dalam kes *Low You Choy (supra)*, Mahkamah dalam kes tersebut berhadapan dengan plaintif-plaintif yang bekerja sebagai buruh projek tanpa pekerjaan tetap. Walaupun mereka tidak bekerja pada hari kemalangan, Mahkamah mendapati mereka masih aktif dalam tenaga buruh kerana sifat pekerjaan mereka sememangnya tidak berterusan dan melibatkan sela masa antara satu projek dengan projek yang lain. Atas dasar itu, Mahkamah memutuskan bahawa ketiadaan kerja untuk tempoh yang singkat tidak boleh disamakan dengan ketiadaan pekerjaan sepenuhnya.

[112] Mahkamah mendapati fakta kes tersebut berbeza secara material daripada kes di hadapan ini. Plaintif kali terakhir bekerja sebagai seaman pada tahun 2021 sedangkan kemalangan hanya berlaku pada tahun 2023. Jurang masa tersebut bukan bersifat sementara sebagaimana dalam kes *Low You Choy*, tetapi merupakan tempoh yang agak lama tanpa pekerjaan.

[113] Manakala bagi kes *Mohd Nor Haris (supra)* pula, Mahkamah dalam kes tersebut mengiktiraf bahawa seseorang seaman hanya mula memperoleh pendapatan apabila ditempatkan untuk bekerja di atas kapal. Dalam kes di hadapan ini, walaupun Plaintif telah menjalani beberapa persiapan seperti latihan dan pemeriksaan perubatan, Mahkamah mendapati beliau belum mencapai tahap di mana hak kepada pendapatan sebenar telah wujud.

[114] Dalam keadaan tersebut, Mahkamah berpendapat bahawa sebarang tuntutan bagi loss of future earnings masih bersifat jangkaan dan tidak memenuhi keperluan undang-undang yang menuntut bukti kehilangan pendapatan sebenar yang boleh dinilai secara pasti. Oleh itu, tuntutan Plaintif di bawah kepala tersebut tidak dapat dibenarkan.

[115] Walau bagaimanapun, kegagalan tuntutan bagi loss of future earnings tidak semestinya menutup terus hak Plaintif untuk menuntut pampasan berkaitan keupayaan pendapatannya. Pada pandangan Mahkamah, walaupun Plaintif memformulasikan tuntutannya sebagai loss of future earnings, tuntutan tersebut pada hakikatnya lebih tepat dinilai sebagai loss of earning capacity berdasarkan fakta dan keterangan yang telah dikemukakan sepanjang perbicaraan.

[116] Dalam hal ini, Mahkamah mengambil prinsip dalam kes *Tay Tong Chew & Anor v. Abu Rahman Ahmad* [1984] 1 MLRA 276; [1985] 1 MLJ 50; [1984] 1 CLJ (Rep) 389, di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> "the general principle is that an injured plaintiff is entitled to damages for the loss of earnings and profits which he has suffered by reason of his injuries up to the date of the trial and for the loss of the prospective earnings and profits of which he is likely to be deprived in the future. There must be evidence on which the court can find that the plaintiff will suffer future loss of earnings, it cannot act on mere speculation. If there is no satisfactory evidence of future loss of earnings but the court is satisfied that the plaintiff has suffered a loss of earning capacity, it will award him damages for his loss of capacity as part of the general

damages for disability and not as compensation for future loss of earnings..."

[117] Selanjutnya, Mahkamah mengambil perhatian terhadap keputusan dalam kes *Ong Ah Long v. Dr S Underwood* [1983] 1 MLRA 154; [1983] 2 MLJ 324; [1983] CLJ (Rep) 300 yang membezakan antara loss of future earnings dan loss of earning capacity. Mahkamah dalam kes tersebut menegaskan bahawa loss of future earnings melibatkan kehilangan sebenar yang boleh dinilai berdasarkan bukti, manakala loss of earning capacity pula berkaitan dengan pengurangan keupayaan seseorang untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan akibat kecederaan yang dialami. Mahkamah Persekutuan memutuskan:

"There is a difference between loss of future earnings and loss of earning capacity. The important difference between the two is that compensation for loss of future earnings is awarded for real assessable loss proved by evidence. Compensation for diminution in earning capacity is awarded as part of general damages..."

[118] Mahkamah juga mengambil panduan daripada keputusan kes *Ngooi Ku Siong & Anor v. Aidi Abdullah* [1984] 1 MLRA 200; [1985] 2 MLJ 30; [1984] 1 CLJ (Rep) 294 bahawa seseorang Plaintif tidak semestinya perlu berada dalam pekerjaan pada masa kemalangan untuk melayakkan tuntutan loss of earning capacity. Apa yang perlu dinilai ialah sama ada kecederaan yang dialami mewujudkan risiko sebenar bahawa Plaintif akan menghadapi kesukaran mendapatkan atau mengekalkan pekerjaan pada masa hadapan. Hakim Syed Agil Barakbah FJ memutuskan:

"The learned Judge followed the test applied in *Moeliker v. A Reyrolle & Co Ltd* [1977] 1 All ER 9, which states that a claim for loss of earning capacity is only available when the plaintiff was in employment. The word "only" should be corrected and read as "generally" since the statement is erroneous. (See Browne LJ's later view in *Cook v. Consolidated Fisheries Ltd* [1977] ICR 635 at pp 636 & 640). It is therefore immaterial whether the plaintiff was in or out of employment at the time of the trial so long as the Court is satisfied there is substantial or real risk that he will some time at the end of his working life lose his job or get a less paid employment because of the effect of the injuries sustained. (See Denning MR in *Cook v. Consolidated Fisheries Ltd (supra)* p 639)."

[119] Mahkamah berpendapat bahawa isu berhubung keupayaan pendapatan Plaintif telah pun menjadi subjek material sepanjang perbicaraan dan dihujahkan oleh kedua-dua pihak. Oleh itu, tiada sebarang prejudis akan timbul sekiranya Mahkamah menilai tuntutan tersebut di bawah loss of earning capacity.

[120] Mahkamah menerima bahawa Plaintif masih mempunyai keupayaan residual untuk bekerja dan tidak mengalami kehilangan upaya menyeluruh.

Namun begitu, persoalan utama dalam tuntutan loss of earning capacity bukanlah sama ada Plaintif masih boleh bekerja dalam apa-apa pekerjaan, tetapi sama ada kecederaan yang dialami telah meletakkannya pada kedudukan yang kurang kompetitif dalam pasaran pekerjaan berbanding sebelum kemalangan.

[121] Dalam hal ini, Mahkamah berpendapat kecederaan yang dialami Plaintif telah menjejaskan keupayaan fizikal dan pilihannya dalam pasaran pekerjaan, khususnya bagi pekerjaan yang memerlukan kekuatan dan ketahanan fizikal seperti pekerjaan yang pernah diceburinya sebelum kemalangan. Mahkamah mengambil prinsip dalam kes *Salim Dawing v. Lim Kat Kang* [1984] 1 MLRH 552; [1986] 2 MLJ 50; [1985] CLJ (Rep) 735. Hakim Shanker J (pada masa itu) memutuskan di ms 52:

> "The important point to bear in mind seems to me to be that this head of damage is concerned with a plaintiff's loss of earning capacity where as a result of his injury his chances in the future of getting in the labour market work (or work as well paid as before the accident) have been diminished by his injury. What is being compensated is the risk that the plaintiff may lose his employment in future and be at a disadvantage in getting alternative employment because of his injury."

[112] Hakim Shankar J dalam kes sama seterusnya membuat pemerhatian dengan merujuk kepada kes *Moeliker v. A Revrolle & Co Ltd* [1977] 1 All ER 9 dan memutuskan selanjutnya:

> "The Court was not dealing with a loss or impairment of promotional prospects. It was concerned with the risk of losing the job altogether. The judge has then to consider first this risk, and secondly if the job is lost, the plaintiff's chances of getting another job. If the risks are negligible no award should be made. If they are real but not serious then a modest award is called for. If it is serious then a substantial award going into thousands of pounds is in order."

[123] Berdasarkan autoriti di atas, Mahkamah perlu menilai dua bentuk risiko utama dalam menentukan tuntutan loss of earning capacity, iaitu:

> 1. Risiko bahawa Plaintif mungkin kehilangan pekerjaan pada masa hadapan akibat kecederaan yang dialami; dan
>
> 2. Sekiranya pekerjaan itu hilang, risiko bahawa Plaintif akan berada pada kedudukan yang kurang baik untuk mendapatkan pekerjaan alternatif berbanding sebelum kecederaan.

[124] Mahkamah juga perlu mempertimbangkan sekiranya risiko tersebut adalah kecil atau tidak nyata, tiada award wajar diberikan. Jika risikonya nyata tetapi tidak serius, suatu award yang sederhana adalah memadai. Sebaliknya, jika risiko tersebut adalah serius, maka award yang lebih substantial adalah wajar.

[125] Dalam kes ini, walaupun Plaintif masih mempunyai keupayaan untuk bekerja dalam kapasiti tertentu, kecederaan yang dialaminya jelas telah mengehadkan pilihan pekerjaannya berbanding sebelum kemalangan. Sekiranya Plaintif kehilangan pekerjaan atau perlu mencari pekerjaan baharu pada masa hadapan, beliau tidak lagi berada pada kedudukan yang sama seperti pekerja sihat lain untuk bersaing dalam pasaran buruh.

[126] Pada pandangan Mahkamah, keadaan tersebut mewujudkan suatu labour market disadvantage yang jelas terhadap Plaintif, walaupun tidak sampai ke tahap kehilangan keupayaan bekerja sepenuhnya. Dalam keadaan tersebut, Mahkamah mendapati Plaintif telah mengalami pengurangan kapasiti pendapatan yang wajar diberi pampasan, namun risikonya adalah pada tahap sederhana.

[127] Dalam menentukan jumlah yang wajar bagi tuntutan ini, Mahkamah mengambil kira bahawa Plaintif mempunyai latihan, kemahiran dan pengalaman sebagai seorang seaman, iaitu suatu pekerjaan yang berpotensi memberikan pendapatan yang lebih tinggi walaupun bersifat kontrak dan tidak berterusan. Mahkamah menilai bahawa kecederaan yang dialami telah menjejaskan keupayaan Plaintif untuk kembali kepada pekerjaan tersebut memandangkan sifat kerjanya yang memerlukan kekuatan dan ketahanan fizikal. Pada masa yang sama, Mahkamah turut mengambil kira bahawa Plaintif masih mempunyai keupayaan residual untuk bekerja dalam pekerjaan lain yang kurang menuntut fizikal.

[128] Selanjutnya, Mahkamah turut mengingatkan diri bahawa penilaian gantirugi tidak boleh dibuat secara arbitrari atau berdasarkan andaian semata-mata. Sebarang award mestilah disokong oleh keterangan yang dikemukakan, inferens munasabah daripada fakta yang terbukti, serta panduan daripada autoriti yang berkaitan. Prinsip ini dihuraikan dalam kes *Chin Hin Transport Sdn Bhd v. Lim Chin Mee* [1999] 5 MLRH 600; [1999] 4 AMR 4113. Hakim Richard Malanjum J (pada masa itu) memutuskan:

> "Meanwhile, on assessment of evidence adduced pertaining to loss of earning capacity the Privy Council in the case of *Dr S Underwood v. Ong Ah Long* [1986] 1 MLRA 662; [1986] 2 MLJ 246 was of the view that "the assessment of this evidence was a matter particularly within the sphere of the trial judge. In the absence of any counter-evidence whatever, notwithstanding the opportunity that the respondent had to seek it, their Lordships are of the opinion that the trial judge was entitled to conclude that the income...".
>
> 129. But at the same time a trial judge is not at liberty to take any figure as he so wishes being the sum to be awarded without reference to any previous decided cases for comparison purposes and as guides. To do so may result in speculation, (see: *Ngooi Ku Siong & Anor (supra)*)."

[129] Mahkamah sedia maklum bahawa tuntutan bagi loss of earning capacity

merupakan sebahagian daripada gantirugi am dan tidak tertakluk kepada pengiraan matematik yang ketat sebagaimana tuntutan loss of future earnings. Dalam keadaan ini, Mahkamah masih boleh membuat suatu penilaian yang munasabah berdasarkan keseluruhan keterangan dan inferens yang boleh dibuat daripada fakta yang telah dibuktikan.

[130] Dalam hal ini, Plaintif menyatakan bahawa beliau pernah memperoleh pendapatan sekitar USD1,200.00 sebulan sebagai seorang seaman. Namun begitu, dokumen berkaitan pendapatan tersebut hanya ditandakan sebagai IDP2 dan tidak dibuktikan secara formal melalui keterangan majikan atau dokumen sokongan yang lengkap. Mahkamah juga mengambil kira bahawa Plaintif tidak bekerja pada masa kemalangan berlaku dan kali terakhir bekerja sebagai seaman adalah sekitar tahun 2021. Walaupun terdapat keterangan bahawa Plaintif sedang dalam proses untuk kembali bekerja sebelum kemalangan, peluang pekerjaan tersebut masih belum dimuktamadkan sepenuhnya.

[131] Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah berpendapat adalah tidak wajar untuk menerima sepenuhnya angka pendapatan yang dinyatakan dalam IDP2 sebagai asas pengiraan. Walau bagaimanapun, Mahkamah tetap menerima bahawa Plaintif mempunyai pengalaman dan kemahiran sebagai seorang seaman, dan kecederaan yang dialami telah menjejaskan keupayaannya untuk kembali bersaing dalam bidang pekerjaan tersebut sebagaimana sebelum kemalangan.

[132] Setelah mengambil kira tahap pembuktian pendapatan Plaintif yang terhad, ketidakpastian mengenai kesinambungan pekerjaannya, serta tahap pengurangan keupayaan pendapatan yang dialami, Mahkamah berpendapat bahawa suatu pendekatan yang sederhana dan konservatif adalah lebih sesuai dalam kes ini. Sehubungan itu, Mahkamah menggunakan suatu notional amount sebanyak RM2,000.00 sebulan sebagai asas penilaian.

[133] Mahkamah seterusnya berpendapat bahawa tempoh penilaian perlu mencerminkan tempoh di mana Plaintif berada dalam keadaan kurang kompetitif dalam pasaran pekerjaan akibat kecederaan yang dialami. Dengan mengambil kira tempoh pemulihan fizikal dan tempoh penyesuaian Plaintif kepada pekerjaan alternatif yang lebih sesuai dengan keadaan dirinya, Mahkamah mendapati tempoh selama 18 bulan adalah munasabah.

[135] Pengiraan adalah seperti berikut:

RM2,000.00 x 18 bulan = RM36,000.00.

[135] Pada pandangan Mahkamah, jumlah tersebut munasabah bagi mencerminkan pengurangan kapasiti pendapatan yang dialami oleh Plaintif, setelah mengambil kira segala ketidaktentuan masa hadapan serta diskaun yang sewajarnya bagi pembayaran secara sekaligus.

Gantirugi Khas

[136] Mahkamah seterusnya meneliti tuntutan Plaintif bagi gantirugi khas sebagaimana yang dikemukakan, dan menilai setiap item berdasarkan prinsip bahawa gantirugi khas mestilah dibuktikan secara ketat (strict proof) serta perlu menunjukkan bahawa kos tersebut adalah munasabah dan perlu (reasonable and necessary).

Kos Fisioterapi

[137] Mahkamah mendapati bahawa tuntutan ini adalah berdasarkan cadangan Dalam laporan pakar Plaintif yang memperincikan sesi fisioterapi bagi beberapa bahagian anggota bawah kiri.

[138] Walau bagaimanapun, Mahkamah mengambil kira hujahan Defendan bahawa Plaintif sedang menjalani rawatan di hospital kerajaan (Hospital Melaka) secara percuma. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa rawatan fisioterapi tersebut tidak boleh diperolehi melalui fasiliti kerajaan atau bahawa Plaintif perlu mendapatkan rawatan secara persendirian.

[139] Mahkamah juga mendapati bahawa tuntutan ini adalah bersifat prospektif dan tidak disokong dengan bukti bahawa Plaintif telah atau pasti akan menanggung kos tersebut secara peribadi.

[140] Sehubungan itu, Mahkamah berpendapat bahawa tuntutan ini gagal memenuhi keperluan strict proof dan tidak dibuktikan sebagai kos yang perlu ditanggung oleh Plaintif. Oleh itu Tuntutan ini ditolak sepenuhnya.

Kos Laporan Perubatan Hospital Selayang

[141] Mahkamah mendapati bahawa kos ini adalah disokong oleh dokumen dan merupakan kos sebenar yang telah ditanggung oleh Plaintif bagi mendapatkan laporan perubatan. Dibenarkan: RM80.00.

Kos Laporan Pakar Ortopedik

[142] Defendan berhujah bahawa kos laporan pakar ini sepatutnya dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos guaman. Walau bagaimanapun, Mahkamah berpendapat bahawa kos laporan pakar perubatan adalah lazimnya dianggap sebagai disbursement yang perlu bagi tujuan pembuktian kes. Dibenarkan: RM1,390.00.

Kos Rawatan / Pembedahan Masa Hadapan

[143] Mahkamah seterusnya meneliti tuntutan bagi rawatan masa hadapan yang terdiri daripada:

a) Manipulation under anaesthesia

b) Surgical quadricepsplasty

c) Tendon Achilles lengthening

d) Anticoagulant

Mahkamah mendapati bahawa tuntutan ini adalah bersifat prospektif dan memerlukan bukti yang jelas bahawa rawatan tersebut adalah perlu (medically necessary), berkemungkinan besar akan dijalankan, kosnya munasabah dan disokong bukti.

(i) Manipulation Under Anaesthesia

Tiada bukti kukuh bahawa prosedur ini pasti diperlukan. Tiada keterangan bahawa prosedur telah dijadualkan atau sangat diperlukan. Oleh itu tuntutan ditolak.

(ii) Surgical Quadricepsplasty

Mahkamah menerima bahawa terdapat kemungkinan prosedur ini diperlukan berdasarkan keadaan otot dan pergerakan Plaintif. Walau bagaimanapun, jumlah yang dituntut adalah tinggi dan tidak disokong dengan sebut harga sebenar atau bukti kos semasa. Mengambil kira hujahan Defendan, Mahkamah berpendapat bahawa suatu jumlah nominal adalah wajar. Dibenarkan: RM1,000.00.

(iii) Tendon Achilles Lengthening

Mahkamah mengambil pendekatan yang sama. Tiada bukti kukuh bahawa prosedur ini pasti akan dijalankan, tetapi terdapat asas perubatan bahawa ia mungkin diperlukan. Dibenarkan: RM500.00.

(iv) Anticoagulant

Mahkamah mendapati bahawa tiada bukti bahawa Plaintif perlu mengambil ubat ini untuk tempoh yang panjang seperti yang dituntut, atau bahawa kos tersebut tidak boleh ditanggung di hospital kerajaan. Ditolak.

[144] Seterusnya, Tuntutan Plaintif dibenarkan dengan kos mengikut skala dan tertakluk faedah seperti berikut:

(a) Faedah ke atas gantirugi am sebanyak 5% setahun dikira dari tarikh pemfailan writ sehingga tarikh penghakiman;

(b) Faedah ke atas gantirugi khas sebanyak 2.5% setahun dikira dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman; dan

(c) Faedah ke atas jumlah keseluruhan penghakiman sebanyak 5% setahun dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh.